

KONSEP KENDIRI (Part 7)

Azizi Hj Yahaya

Kesimpulan

Manusia mempunyai suatu gambaran atau pandangan tentang dirinya sendiri. Gambaran ini disebut konsep sendiri atau imej sendiri. Gambaran ini merangkumi gambaran tentang rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan dan tingkah laku kita. Dalam membina konsep sendiri seseorang itu perlu menerima penilaian terhadap dirinya dan orang lain. Konsep sendiri seseorang meliputi persepsi terhadap diri dan alam sekelilingnya melalui deria dan juga perasaannya tentang kebolehannya meliputi keyakinan dan harga dirinya. Dapat disimpulkan konsep sendiri merupakan saranan yang mengandungi persepsi dan penilaian seseorang terhadap dirinya dari aspek social, fizikal, emosi, keluarga, tingkah laku, akademik dan sebagainya. Persepsi dan penilaian ini terbentuk melalui pengalaman seseorang apabila ia berinteraksi dengan alam sekeliling social dan fizikalnya terutamanya dengan orang-orang terdekat seperti ibu bapa, ahli keluarga, guru-guru, rakan-rakan dan anggota masyarakat yang hamper dengannya.

Remaja hendaklah menjadi orang dewasa yang unik dan menjadi individu matang yang mempunyai peranan yang tertentu. Bagi pembentukan identity ego remaja hendaklah boleh menyusun kemahiran, keperluan dan kehendak serta menyesuaikan segala-galanya dengan kehendak masyarakat. Identiti mempunyai banyak komponen dan antara komponen-komponen itu ialah ciri-ciri seksual, sosial, fizikal, psikologi, moral, ideologi dan kerjaya. Oleh itu, seseorang remaja akan dikenal melalui ciri-ciri fizikal, rupa paras, binaan tubuh badan, peranan, kemahiran berinteraksi, pencapaian, pegangan agama, falsafah hidup dan identiti etnik, personaliti, penyesuaian dan kesihatan mentalnya. Pencarian identiti adalah satu proses yang memakan masa sejak dari kecil hinggalah ke zaman tua tetapi pencarian ini menonjol pada zaman remaja. Salah satu aspek yang paling penting dalam pencarian identiti ialah pemilihan kerjaya.

Pembentukan konsep sendiri berlaku dalam hubungan dengan keluarga. Ibu bapa seharusnya memahami dan mengetahui perkembangan alam psikologi remaja. Remaja

menghadapi kehidupan yang kritikal pada peringkat umur 12-21 tahun. Pada masa ini remaja berhadapan dengan konflik dalaman untuk menentukan arah hidup mereka. Pada peringkat ini remaja memerlukan perhatian dan bimbingan serta kasih sayang daripada orang dewasa. Perasaan mereka sangat sensitive sehingga perkara-perkara remeh pun boleh menyebabkan mereka berkecil hati. Ibu bapa yang tidak memahami kehendak remaja akan menyebabkan remaja menjauhkan diri daripada mereka. Ibu bapa seharusnya lebih banyak meluangkan masa berbincang secara bersemuka dengan anak-anak remaja mereka dan jangan memperkecil kemampuan dan menolak pendapat mereka. Remaja sentiasa mahu dihargai dan dihormati seperti juga ibu bapa yang ingin disanjung. Justeru itu, ibu bapa mestilah berusaha merapatkan jurang pergaulan dan perhubungan dengan anak-anak remaja mereka. Ibu bapa juga harus membersihkan anak-anak mereka dengan didikan agama kerana pendidikan agama yang lengkap dan sempurna akan menghasilkan generasi muda yang lebih baik.

RUJUKAN

Azizi Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahaya (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia.

Noraini Ahmad (2002). *Kaunseling Remaja*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.